

**Floria Putrajaya Diharap Dapat Menyumbang Peningkatan Potensi Industri Bunga-Bunga**  
**Bernama**  
**30 Jun, 2012**

PUTRAJAYA, 30 Jun (Bernama) -- Festival Bunga dan Taman Putrajaya (Floria) yang masuk tahun kelima penganjurannya tahun ini diharap dapat menyumbang kepada peningkatan potensi industri bunga-bunga, landskap dan pelancongan sebagai satu daripada bidang ekonomi utama negara (NKEA).

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk M. Saravanan berkata ia seterusnya dapat memacu perkembangan industri itu sebagai satu alternatif pelaburan yang menguntungkan negara dan rakyat.

"Festival yang meriah serta penuh warna-warni seperti yang dapat kita lihat pada hari ini memberi peluang kepada segenap lapisan rakyat khususnya pengusaha-pengusaha industri landskap dan bunga-bunga tempatan untuk mempamerkan kreativiti dan memasarkan produk dan hasil usaha mereka.

"Ia secara tidak langsung menjadi faktor penggalak pertumbuhan dan membantu dalam mempercepatkan transformasi industri bunga-bunga, landskap dan agropelancongan negara," katanya pada majlis perasmian Floria 2012 di Persisiran Tasik Presint 2 di sini.

Majlis disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Saravanan berkata festival itu bukan setakat merupakan sebuah perkampungan bunga dan taman, malah ia direka bentuk sebagai medan pertemuan bagi agensi pembangunan, pihak berkuasa tempatan, para usahawan, institusi pendidikan dan pelajaran, badan korporat, syarikat swasta, usahawan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta individu yang bergerak aktif dalam usaha memajukan lagi industri bunga-bunga, landskap dan pelancongan negara.

Beliau berkata ia juga merupakan lokasi pertemuan strategik antara penjual dan pembeli bunga-bunga dan tanaman hiasan tempatan dengan pengimport dan pengeksport bunga-bunga dari dalam dan luar negara untuk bertukar-tukar pandangan, berkongsi maklumat serta mengkaji langkah terbaik untuk meningkatkan industri berkenaan.

"Program dan aktiviti yang disediakan di festival ini bertujuan memupuk dan menyuburkan rasa cinta serta kasih rakyat dan pelawat kepada keindahan flora dan fauna serta kemeriahan pelbagai warna bunga dan tumbuhan yang banyak berkaitan dengan kebudayaan dan nilai masyarakat pelbagai kumpulan etnik.

"Ia sekaligus membudayakan aktiviti landskap dan perkebunan sebagai satu gaya hidup sihat dan sejahtera," katanya.

Bertemakan Bunga Kertas-Tetap Menawan, Floria Putrajaya 2012 dijadualkan berlangsung selama sembilan hari bermula hari ini dengan mempamerkan lebih 400,000 pokok dari pelbagai

spesis dan kultivar bunga-bunga dan tanaman hiasan dari kawasan tropika dan subtropika.

Tidak mengenakan sebarang bayaran masuk, Floria 2012 turut menyaksikan 50 gerai jualan produk landskap, hortikultur dan perkebunan, 60 khemah jualan produk seni dan kraf, lebih 40 gerai jualan makanan dan minuman, serta lebih 200 program, aktiviti, ceramah dan bengkel perkebunan, selain persembahan hiburan, kesenian dan kebudayaan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=677035>